

SEJARAH AWAL KEMAMAN HINGGA 1880

oleh:

ALIR BIN MUDA

SEJARAH awal Daerah Kemaman, terutama mengenai sejarah pembukaan dan perkembangan seterusnya sehinggalah ke akhir abad ke 18 adalah kabur sekali kerana sehingga kini belum lagi terdapat sebarang bukti bertulis yang dapat dijadikan bukti untuk melihat tentang sejarah awal pembukaannya.

Sebagaimana negeri-negeri atau daerah-daerah lain di Tanah Melayu, dipercayai juga bahawa sungguhpun sejarah awal Daerah Kemaman adalah kabur, tetapi penduduk-penduduk tempatan umumnya mengakui bahawa Daerah Kemaman juga mempunyai sejarah awalnya. Kepercayaan mereka ini didasarkan kepada terdapatnya satu kawasan tanah perkuburan Islam yang dianggap umum oleh penduduk tempatan sebagai kubur yang tertua sekali di daerah ini¹ terletak disatu kawasan di tengah-tengah bandar Cukai (lebih kurang 100 ela dari masjid lama Cukai, Kemaman).

Sungguhpun tidak terdapat sebarang kesan tanda atau tulisan yang tercatat dibatu-batu nisan di situ tentang tarikh sebenar bilakah kubur itu mula-mula digunakan tetapi dari keusangan batu-batu nisan yang terdapat di kawasan perkuburan itu (setengah-setengahnya telah tiada lagi) dipercayai bahawa ianya telah mulai digunakan orang selewat-lewatnya antara dua ratus ke tiga ratus tahun yang lalu. Masyarakat umum di daerah ini mengatakan bahawa kawasan tanah perkuburan itu ialah kubur "orang-orang asal" yang dianggap sebagai ahli-ahli kumpulan pertama yang membuka Daerah Kemaman. Dengan lain perkataan, itulah kubur-kubur "kumpulan pengasas" Daerah Kemaman.

Pendapat lisan di atas telah diperkuatkan lagi dengan satu bukti lain yang diberikan oleh orang-orang tempatan iaitu terdapatnya sebuah kampung yang bernama *Kampung Cik Wan* di daerah Kemaman. Kampung itu dianggap oleh masyarakat umum sebagai salah satu kampung yang tertua di daerah ini daripada beberapa buah perkampungan yang telah dibuka atau diasaskan oleh salah seorang dari keluarga Cik Wan Teh, kira-kira 300 tahun yang lalu.

Terdapat satu lagi pendapat yang agak kontravesi dengan pendapat lisan di atas mengenai sejarah awal pembukaan Daerah Kemaman. Pendapat ini telah dikemukakan oleh Dato' Jaya Perkasa² di dalam artikelnya yang terdapat di dalam *Annual Report of*

*Makalah ini adalah merupakan Bab. 1, dari Latihan Ilmiah yang di kemukakan kepada Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia sesi 1977/78, bertajuk, "Sejarah Daerah Kemaman 1885 - 1950". Makalah ini telah di sesuaikan untuk di terbitkan disini — Pengarang.

¹Penerangan ini telah diberikan oleh Haji Habib Noh, seorang imam masjid Bukit Mengkuang dan seorang yang berminat didalam mengkaji sejarah Daerah Kemaman. Pendapat beliau itu telah disokong oleh beberapa orang tempatan, seperti Haji Wan Muda b. Wan Man, Haji Mohd. bin Taib dan En. Baharuddin b. Adam. Ditemuramah oleh penulis di rumah-rumah mereka pada 20.8.1977 dan 21.8.77.

²Dato' Jaya Perkasa (En. Da Omar b. Mahmud) pernah menjadi Pesuruhjaya Besar Jajahan Timur pada tahun 1924-1925. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Dato' Menteri Besar Trengganu pada akhir tahun 1940an. Catatan beliau terdapat di dalam Annual Report State of Trengganu (AR), tahun 1925, Govt., Printing Office, S'pore 1926, Pejabat SUK.Tr., h. 15-17.

PEMBAHAGIAN MUKIM-MUKIM DAN KELUASANNYA
BAGI DAERAH KEMAMAN

Nama Mukim	Luas (Ekar)	Luas (Batu Persegi)
1. Mukim Kemasik (termasuk Air Jernih)	16,086	25.03438
2. Mukim Pasir Semut	16,094	25.14688
3. Mukim Binjai (termasuk Mukim Banggol)	26,685	41.69532
4. Mukim Cukai (termasuk Mukim Telok Kalong)	189,935	296.77343
5. Mukim Ulu Cukai (termasuk Pekan Air Putih)	310	0.48438
6. Mukim Ulu Jabor	33,013	51.58281
7. Mukim Kerteh	62,778	98.09062
8. Mukim Kijal	15,754	24.61563
9. Mukim Tebak (termasuk Bandi)	265,769	415.26405
Jumlah Besar	626,424	978.72350

Sumber: Laporan Rancangan Pejabat Ukur Daerah Kemaman. Dim.Bil. (16) Penyata Pejabat Ukur, Kemaman.

Trengganu, tahun 1925. Catitan bertulis tersebut adalah merupakan catitan yang terawal sekali yang dapat dikesan setakat ini mengenai sejarah pembukaan dan perkembangan Daerah Kemaman dari awal tahun 1800 hingga akhir tahun 1890an. Sebagaimana yang dinyatakan di atas, catitan ini adalah berbedza dengan cerita lisan terutama tentang tarikh Daerah Kemaman mulai diterokai atau dibuka.

Mengikut catitan bertulis itu Daerah Kemaman telah dibuka oleh *Lebai Saras*, seorang bangsawan dari Patani, disekitar tahun 1810an. Dikatakan bahawa beliauulah yang mula-mula membuka Kampung Nyior dan membuat penempatan pertama di situ.³ Juga dikatakan bahawa Kampung Nyiorlah merupakan kampung yang pertama sekali dibuka didaerah ini. Selepas membuka Kampong Nyior, dikatakan bahawa Lebai Saras telah menjadi pemerintah pertama bagi Daerah Kemaman.

³ Kampung Nyior letaknya kira-kira enam batu ke ulu dari muara Sungai Kemaman. Inilah kampung yang mula-mula dibuka oleh Lebai Saras. Kampung ini letaknya agak jauh diperdalaman dari pekan Cukai.

Kalaulah catitan tersebut diterima dan dijadikan asas untuk mengkaji sejarah awal pembukaan daerah Kemaman, berertilah bahawa daerah ini hanya baru dibuka kira-kira 160 tahun yang lalu dan bukannya 300 tahun sebagaimana yang dipercayai melalui cerita-cerita lisan. Hakikat yang mengatakan bahawa sejarah Daerah Kemaman baru "semuda" itu (iaitu kira-kira 160 tahun) telah ramai disangkal oleh masyarakat umum di daerah ini.

Tuan Haji Habib Noh berpendapat bahawa bukanlah Lebai Saras yang mula-mula membuka Daerah Kemaman. Beliau berpendapat bahawa Lebai Saras adalah orang yang "baru" mendatang ke Kemaman dan tidak mungkin Lebai Saras yang mula-mula membuka Kemaman. Walaubagaimanapun beliau menerima kemungkinan bahawa Lebai Saras adalah orang yang telah membuka beberapa buah penempatan (kampung-kampung) baru di Daerah Kemaman selepas Daerah Kemaman dibuka oleh keluarga pengasasnya iaitu Che Wan Teh.⁴

Mengikut En. Baharuddin Adam pula, beliau bersetuju dengan pendapat yang dikemukakan oleh Haji Habib Noh. Beliau (En. Baharuddin) tidak bersetuju dengan pendapat yang mengatakan Daerah Kemaman telah dibuka oleh Lebai Saras di sekitar tahun 1810an. Menurutnya, jika betul Lebai Saras yang mula-mula membuka Daerah Kemaman, kenapa beliau (Lebai Saras) tidak membuka penempatan yang terletak di muara sungai Kemaman tetapi sebaliknya membuka penempatan yang jauh dipendalaman. Ini adalah bertentangan dengan kebiasaan orang-orang Melayu tradisional yang biasanya membuka kampung-kampung mereka di bahagian muara sungai. En. Baharuddin berpendapat bahawa kemungkinan ketika Lebai Saras dan rombongannya datang ke Daerah Kemaman, telah ada penempatan atau beberapa buah kampung sekitar di kawasan muara sungai Kemaman, seperti Kampung Cukai, Kampung Geliga, Kampung Dusun Nyior dan sebagainya. Itulah sebabnya Lebai Saras terpaksa pergi jauh ke ulu sungai Kemaman untuk membuat penempatan baru di situ.⁵ Ringkasnya En. Baharuddin kuat berpendapat bahawa Daerah Kemaman telah mulai dibuka lebih awal dari tahun 1810an.

Hasil dari tinjauan selanjutnya terhadap beberapa orang tokoh tempatan, dapat dibuat kesimpulan bahawa majoriti daripada mereka tidak bersetuju terhadap tarikh pembukaan Daerah Kemaman dan tokoh yang membukanya seperti mana yang disarankan oleh lapuran (versi) bertulis itu. Nampaknya mereka lebih berpegang kepada versi lisan mengenai sejarah awal pembukaan Daerah Kemaman. Penulis sendiri agak lebih bersetuju dan berpegang kepada hujjah-hujjah yang telah dikemukakan oleh Haji Habib Noh dan En. Baharuddin tadi. Ini berdasarkan kepada tinjauan penulis terhadap beberapa orang tua penghuni Kampung Cik Wan di Daerah Kemaman.⁶ Hasil dari temuramah tersebut penulis dapati bahawa majoriti dari penduduk-penduduk di kampung itu mengatakan bahawa kampung tersebut telah mulai dibuka kira-kira lebih dari dua ratus tahun yang lalu oleh sekumpulan penduduk dari Kuala Pahang yang diketuai oleh orang yang berketurunan Che Wan.

⁴ Hasil temuramah penulis dengan Tuan Haji Habib Noh di rumahnya di Kampung Bukit Mengkuang pada 20.8.1977.

⁵ En. Baharuddin bin Adam, seorang guru sekolah dan pengkaji mengenai sejarah tempatan. Pendapat di atas telah diberikan oleh beliau kepada penulis sewaktu penulis meninjau pendapatnya pada 21.8.1977 di rumahnya di Kampung Tuan.

⁶ Kampung Che Wan letaknya di Mukim Kijal kira-kira 12 batu dari bandar Cukai. Nama kampung itu diberi kerana mengambil sempena nama keluarga Che Wan yang telah mempelupuri membuka kampung itu. Sehingga ke hari ini keturunan Che Wan masih lagi dihormati dan disegani oleh penduduk-penduduk di kampung itu khasnya dan penduduk tempatan daerah Kemaman amnya.

Mengenai pembukaan daerah Kemaman, mengikut sumber-sumber lisan penduduk tempatan bahawa Daerah Kemaman telah mulai diasaskan kira-kira lebih dari tiga ratus tahun yang lalu oleh sekumpulan orang dari Kuala Pahang yang diketuai oleh Che Wan Teh.⁷ Beliau dikatakan bersama-sama dengan pengikut-pengikutnya berjumlah kira-kira empat puluh orang semuanya telah belajar ke Kemaman dengan tujuan untuk mencari tempat yang aman untuk dijadikan tempat kediamannya yang baru kerana beliau tidak senang hati melihatkan keadaan tempatnya (iaitu di Kuala Pahang) yang sering sahaja berlaku pergaduhan dan perselisihan antara anak-anak raja tempatan. Kadang-kadang perselisihan atau pergaduhan berlaku disebabkan oleh sesuatu issue yang kecil. Anak-anak raja bersama-sama pengikut masing-masing dikatakan selalu bersikap angkuh dan bermaharajalela di dalam tindakan mereka terhadap penduduk-penduduk tempatan. Antara mereka sering sahaja menimbulkan suasana yang tidak aman terhadap penduduk tempatan dan di kalangan kerabat raja yang tua-tua. Suatu keadaan aman yang agak lama dikatakan tidak pernah wujud di Kuala Pahang ketika itu. Justru itu Che Wan Teh bersama-sama keluarga dan pengikut-pengikutnya telah bosan tinggal ditempat asalnya dan mengambil keputusan untuk mencari tempat baru untuk dijadikan kampung kediaman yang kekal bagi anak-buah dan pengikut-pengikutnya yang setia.⁸ Fenomena pergaduhan dan perselisihan antara anak-anak raja dan pengikut-pengikutnya sering terjadi di kalangan masyarakat Melayu tradisional terutamanya sebelum berlakunya campurtangan British dalam pentadbiran dan politik negeri-negeri Melayu di Tanah Melayu. Peristiwa-peristiwa di Perak dan di Selangor adalah sebagai contohnya.

Setelah berlayar meninggalkan Kuala Pahang, rombongan Che Wan Teh akhirnya sampai di Muara Sungai Kemaman dan terus masuk di Kuala Sungai Kemaman. Mereka telah singgah di satu kawasan tanah rata ditebing sungai. Mereka telah membersihkan kawasan itu lalu dijadikan tempat kediamannya yang pertama di daerah Kemaman. Tempat itu dinamakan Kampung Bukit Mengkuang.⁹ Dipercayai umum bahawa Kampung Bukit Mengkuang merupakan kampung yang pertama sekali dibuka di daerah Kemaman di dalam sejarah pembukaan daerah ini.

Dikatakan bahawa sebelumnya kedatangan rombongan Che Wan Teh dan diikuti oleh lain-lain rombongan ke daerah Kemaman kemudiannya, didaerah ini telah pun mempunyai penghuni-penghuninya yang terdiri dari orang-orang asli suku kaum Jakun dan Sakai. Mereka telah membuat tempat-tempat kediaman secara berkelompok antara lima hingga sepuluh buah rumah bagi satu-satu kelompok. Tidakkah diketahui sehingga kini bilakah kumpulan orang-orang asli itu datang dan menetap di daerah Kemaman. Antara tempat-tempat yang terdapatnya perkampungan atau perkelompokan orang-orang asli di daerah ini ialah di kawasan pantai Kijal, di Bukit Mengkuang, di Kampung Padang Tengku, di Kampung Telok Kalong dan di beberapa kawasan sekitar Kampung Cukai.¹⁰

⁷Che Wan Teh dikatakan berasal dari keluarga di raja Negeri Pahang yang datang dari Kuala Pahang. (Dalam konteks ini perkataan "Che" bukannya gelaran pangkat tetapi dirujukkan kepada keturunan. Mengikut sejarah, raja "Sultan" Pahang sekarang ini adalah dari dinasti "Che Wan".

⁸Keterangan Lisan diberi oleh Tuan Haji Habib Noh. Lihat catatan No. 4.

⁹Kampung Bukit Mengkuang dapat namanya kerana di kawasan itu terdapat sebuah bukit yang ditumbuhi oleh banyak pokok-pokok mengkuang di sekelilingnya. Lalu kawasan itu dinamakan oleh Che Wan Teh sebagai Kampung Bukit Mengkuang. Letaknya kira-kira tiga batu dari bandar Cukai.

¹⁰Penerangan itu diberikan oleh Haji Wan Muda bin Wan Man, seorang ulama' tempatan di daerah Kemaman. Ditemuramah oleh penulis di rumahnya di Kampung Bukit Mentuk, Kemaman pada 27.7.1977.

Dikatakan juga bahawa kedatangan orang-orang "luar" ke daerah Kemaman dan diikuti dengan pembukaan beberapa buah kampung baru (yang dipelupuri oleh Che Wan Teh) di daerah ini tidak mendapat tentangan atau gangguan dari orang-orang asli yang telah sedia ada di sini tetapi sebaliknya mereka (kumpulan orang-orang asli tadi) telah mulai berpindah ke beberapa kawasan baru yang letaknya jauh dipendalaman dari kawasan asal mereka.¹¹

Setelah beberapa lama Che Wan Teh dan orang-orangnya menetap di Kampung Bukit Mengkuang (mengikut setengah-setengah sumber lisan mengatakan kira-kira tiga puluh tahun) mereka telah mengalami beberapa kesulitan. Di dalam jangka-masa tersebut mereka dikatakan telah mengalami beberapa kali kemusnahan kawasan pertanian disebabkan oleh banjir. Juga kawasan/kampung mereka selalu sahaja diserangi oleh penyakit seperti demam kepialu, malaria, taun, demam panas dan sebagainya. Oleh itu mereka bercadang untuk pindah dari kampung itu dan mencari satu tempat baru untuk dijadikan tempat kediaman mereka. Justru itu Che Wan Teh dan setengah dari pengikutnya (tidak semua penduduk Kampung Bt. Mengkuang yang turut berpindah) telah menuju ke satu kawasan yang berhampiran dengan muara sungai Kemaman (kira-kira dua setengah batu dari Kampung Bt. Mengkuang) dan membuat perkampungan baru di situ. Kampung itu kini dikenali sebagai Kampung Tanjung Geliga.¹²

Menurut sumber lisan mengatakan bahawa Che Wan Teh dan orang-orangnya tidak lama tinggal di Kampung Tanjung Geliga itu (dikatakan hanya kira-kira lima tahun sahaja kerana tempat itu dikatakan sering sahaja dijadikan tempat persinggahan kumpulan lanun-lanun yang giat menjalankan aktibiti merompak ke atas kapal-kapal atau perahu-perahu dagang yang beruiling-alik di Laut China Selatan.¹³

Oleh itu untuk menghindarkan daripada kemungkinan diganggu oleh kumpulan lanun-lanun tersebut, Che Wan Teh dan orang-orangnya meninggalkan Kampung Tanjung Geliga menuju ke satu kawasan yang terletak di tebing sungai Kemaman kira-kira satu batu dari Kampung Tanjung Geliga. Tempat ini kemudiannya dinamakan Kampung Cukai.¹⁴ Kawasan yang mula-mula dibuka ialah di satu kawasan yang menjadi tapak masjid lama Chukai sekarang ini. Disini mereka memulakan penghidupan baru dengan menjalankan aktibiti pertanian, seperti padi, jagong, ubi, keladi dan berbagai-bagai jenis sayuran. Mereka juga menangkap ikan di muara sungai Kemaman untuk keperluan harian penduduk-penduduk di Kampung Cukai. Dikatakan bahawa Che Wan Teh telah meninggal dunia beberapa tahun selepas beliau membuka Kampung Cukai dan dikuburkan di situ.

¹¹ Sekarang ini kesan peninggalan perkampungan orang-orang asli tadi (kecuali di mukim Jabor) sudah tidak kedapatan lagi di tempat-tempat yang tersebut di atas. Kini hanya terdapat satu kawasan perkampungan orang asli sahaja yang masih tinggal di daerah Kemaman iaitu Kampung Sungai Pergan, Nerang, Ulu Jabor. Di kawasan ini keseluruhan penghuni-penghuninya terdiri dari suku-suku orang asli daerah ini.

¹⁰ Keterangan yang diberikan oleh Haji Habib Noh di rumahnya di Kampung Bukit Mengkuang, Kemaman. Ditemuramah pada 27.7.1977.

¹³ Keterangan ini diberikan oleh Haji Habib Noh, seorang pengumpul sejarah tempatan daerah Kemaman. Ditemuramah di rumahnya pada 27.7.77.

¹⁴ Mengikut sumber lisan penduduk tempatan bahawa pada tiap-tiap tahun ada-ada sahaja seorang-dua daripada penduduk Kampung Cukai yang mati ditangkap oleh buaya ketika mandi di Sungai Kemaman. Dipercayai bahawa buaya di situ berkehendakkan "cukai nyawa" pada tiap-tiap tahun. Pada masa ini kejadian itu tidak berlaku lagi. Juga dikatakan Kampung Cukai merupakan kampung yang ketiga dibuka di daerah ini. Sekarang Mukim Cukai dijadikan pusat pentadbiran bagi Daerah Kemaman.

Selepas ketiga-tiga kampung yang terawal di Daerah Kemaman dibuka, kemudiannya berlakulah pembukaan ke atas beberapa buah lagi kampung oleh penduduk-penduduk yang telah sedia ada di Daerah Kemaman dan orang-orang yang baru datang kemudiannya. Pembukaan ke atas kampung-kampung yang baru tersebut disebabkan berlakunya penghijrahan beramai-ramai orang-orang baru ke daerah Kemaman selepas ketiga-tiga kampung yang awal tadi dibuka. Kebanyakan mereka yang baru berhijrah ke daerah Kemaman terdiri dari kaum-keluarga dan saudara-mara para penghijrah yang pertama dahulu. Juga terdapat mereka yang datang dari lain-lain daerah yang berdekatan dengan daerah Kemaman. Kebanyakan dari mereka bertumpu kepada Kampung Cukai untuk membuat penempatan mereka di situ. Di dalam masa yang singkat sahaja Kampung Cukai mulai berkembang dan penduduknya semakin ramai. Oleh itu untuk mengatasi masalah kekurangan tanah yang sesuai untuk dijadikan tapak pertanian, maka timbullah usaha-usaha untuk membuka penempatan dan perkampungan baru oleh penghijrah-penghijrah yang baru datang tadi. Dengan itu muncullah beberapa penempatan baru seperti Kampung Che Wan, Kampung Dusun Nyior, Kampung Tuan, Kampung Limbong dan beberapa kampung lagi di Daerah Kemaman. Satu lagi faktor yang mendorong pembukaan penempatan-penempatan baru tersebut ialah disebabkan ketika itu tanah senang didapati dengan percuma dan tak perlu meminta izin dari mana-mana pihak untuk diterokai. Jadi timbullah kecenderongan orang-orang yang baru berhijrah ke daerah ini untuk mencari tempat yang difikirkan sesuai untuk dijadikan kampung-halaman baru untuk keluarga dan saudara-mara mereka. Keadaan ini menepati seperti yang disarankan oleh J.M. Gullick yang mengatakan bahawa:

Sesebuah kampung yang terdiri dari tiga puluh hingga lima puluh buah rumah itu pada umumnya mempunyai penduduk-penduduk yang sebesar itu pula yang dapat mencari tanah sawah yang semula jadi dan sesuai yang tidak jauh dan mudah diusahakan di dalam kawasan kampung itu. Di kawasan-kawasan lain tanah itu berlebihan dan percuma untuk dimiliki. Oleh sebab itu sangatlah mudah bagi sebahagian dari penduduk sesebuah kampung yang besar itu berpindah keluar dan membuka sebuah kampung (dusun) kecil yang baharu yang berhampiran.¹⁵

Satu perkara yang perlu diperhatikan di sini iaitu hampir kesemua penempatan (kampung) yang dibuka di daerah ini pada peringkat permulaannya terletak di kawasan-kawasan yang berdekatan dengan muara sungai atau di kawasan kiri-kanan tebing sungai di bahagian muaranya. Hal ini tidaklah menghairankan kita kerana telah menjadi suatu kebiasaan bagi masyarakat Melayu tradisional (di Tanah Melayu khususnya) cenderung membuat penempatan mereka ditepi-tepi sungai atau berhampiran dengan sungai, terutama dibahagian sebelah muaranya. J.M. Gullick menyatakan bahawa;

Corak perkampungan penduduk-penduduk tepi sungai itu ditetapkan oleh hakikat bahawa sungai merupakan satu-satunya alat perhubungan yang mudah dan penting.¹⁶

Disamping sungai merupakan satu-satunya alat perhubungan yang mudah dan senang, sungai juga merupakan tempat untuk mendapatkan bekalan air untuk kegunaan harian, untuk keperluan binatang ternakan dan untuk mendapatkan air bagi kegunaan

¹⁵ J.M. Gullick, *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, D.B. & Pustaka, K. Lumpur, 1972, h. 45 & 46.

¹⁶ *ibid.*, h. 43.

bercucuk tanam. Dari sungai air dialirkan ke sawah-sawah melalui parit-parit yang digali oleh penduduk-penduduk sesebuah kampung.

Selain dari membuat penempatan ditebing atau berhampiran dengan sungai terdapat juga beberapa penempatan baru yang wujud berdekatan dengan pantai yang dibuka oleh orang-orang yang baru datang ke daerah Kemaman. Antara penempatan-penempatan itu ialah kampung-kampung di pantai Kemasik, Kijal, Kerteh dan Kuala Kemaman. Dalam hal ini J.M. Gullick mengatakan bahawa ;

Oleh sebab itu menjadi satu ajakan penduduk-penduduk kampung untuk menetap bukan sahaja di tebing-tebing sungai, bahkan juga berhampiran dengan laut. Sebab yang lain pula ialah bahawa tanah lanar yang baik sering-kali didapati di kawasan-kawasan muara sungai.¹⁷

Sungguhpun penempatan-penempatan yang muncul di daerah Kemaman ketika itu tidaklah boleh dinamakan atau dipanggil sebagai "kampung" dalam pengertian yang kita fahami di hari ini kerana kampung-kampung yang baru dibuka itu kecil-kecil sahaja luas sempadannya, iaitu lebih kurang sepuluh hingga lima belas buah rumah sahaja tetapi ianya masih dapat dianggapkan sebagai sebuah kampung dalam konteks waktu itu.¹⁸ Jikalau diertikan dalam konteks masa kini kampung-kampung yang muncul itu lebih merupakan sebuah "dusun"¹⁹ daripada sebuah kampung di dalam erti-kata yang sebenar.

Hubungan sosial penduduk-penduduk antara kampung-kampung rapat dan erat sekali kerana pada asalnya kebanyakan mereka yang baru datang dan menetap di Daerah Kemaman berasal dari tempat yang sama. Selain dari itu letak antara satu kampung dengan satu kampung yang lain (antara kampung-kampung) berdekatan jaraknya.

Sejak dari penempatan pertama dibuka oleh Che Wan Teh dan diikuti oleh proses pembukaan lain-lain perkampungan di Daerah Kemaman seterusnya oleh orang-orang yang telah sedia menetap di Kampung Chukai dan yang baru datang ke Daerah Kemaman yang kebanyakannya datang dari Negeri Pahang, khususnya dari Kuala Pahang dan kawasan sekitarnya, maka daerah ini semakin sehari semakin berkembang maju dan penduduknya semakin ramai. Dari perpindahan tersebut maka berlakulah hubungan erat antara penduduk-penduduk di Daerah Kemaman dengan penduduk Negeri Pahang, khasnya dengan penduduk Kuala Pahang. Di dalam jangka-masa yang sama sering terdapat perahu-perahu yang berulang alik membawa barang-barang untuk ditukarkan antara kedua-dua tempat itu. Dikatakan bahawa sebelum menjelang abad ke 19, Daerah Kemaman seolah-olah merupakan sebahagian dari wilayah Negeri Pahang. Timbulnya anggapan tersebut kerana di dalam jangka-masa itu tidak terdapatnya seorang pun pembesar atau wakil Yang Dipertuan Trengganu di Daerah Kemaman, sekurang-kurangnya untuk menjaga atau mengawasi keadaan masyarakat tempatan di daerah tersebut. Keadaan ini menunjukkan bahawa tidak adanya hubungan antara pihak "istana" di Kuala Trengganu dengan penduduk-penduduk di Daerah Kemaman ketika itu.

¹⁷ *Ibid* h. 43 & 44.

¹⁸ Pendapat yang diberikan oleh Haji Wan Muda bin Wan Man yang ditemuramah oleh Penulis di rumahnya di Kg. Bt. Mentuk, Kemaman pada 22.8.1977 (Bahasanya diubah-suai oleh penulis).

¹⁹ Sesebuah "dusun" bererti sesebuah kampung kecil yang di dalamnya di diami oleh satu kumpulan saudara-mara yang dipimpin oleh seorang dari ahli keluarga lelaki yang tertua. Untuk keterangan lanjut, sila lihat J.M. Gullick, *op. cit.*, h. 52.

Ketiadaan hubungan ini mungkin disebabkan jarak antara kedua-dua tempat itu (Kuala Trengganu — Daerah Kemaman) tersangat jauh.²⁰ Disamping itu perhubungan antara kedua-dua tempat itu hanya dapat dibuat melalui jalan laut sahaja dan ketika itu perjalanan laut didapati tidak begitu selamat kerana selalu sahaja diganggu oleh lanun-lanun yang berkeliaran di sepanjang Laut China Selatan. Akibat dari berjauhan jarak dan kesukaran perhubungan tersebut menyebabkan hubungan antara Daerah Kemaman dengan Yang Dipertuan Trengganu di Kuala Trengganu seolah-olah terputus keadaannya. Jadi tidaklah menghairankan sekiranya penduduk-penduduk di Daerah Kemaman ketika itu yang kebanyakannya berasal dari Negeri Pahang menganggap bahawa Daerah Kemaman adalah sebahagian dari wilayah kekuasaan kerajaan Pahang. Anggapan tersebut semakin berdasarkan kepada beberapa faktor, antaranya ialah; Pertama, Daerah Kemaman telah dibuka oleh seorang dari kerabat diraja Pahang (Che Wan Teh). Kedua, ketika itu tidak ada satu sempadan yang jelas antara satu negeri dengan satu negeri yang lain, khususnya Negeri Trengganu dengan Negeri Pahang. Ketiga, mungkin juga disebabkan jarak antara Daerah Kemaman dengan Negeri Pahang adalah lebih dekat (kira-kira 30 batu) berbanding dengan jarak antara Daerah Kemaman dengan Kuala Trengganu (kira-kira 100 batu) dan keempat, mungkin disebabkan ketika itu majoriti penduduk-penduduk di Daerah Kemaman terdiri dari orang-orang yang asalnya datang dari Negeri Pahang. Justeru itu, mereka mungkin menganggap yang mereka adalah sebahagian dari rakyat Yang Dipertuan Pahang.

Hubungan "resmi" antara Daerah Kemaman dengan Kuala Trengganu hanya baru diadakan diwaktu Negeri Trengganu di bawah pemerintahan Sultan Ahmad Syah I (1808—1827) dan seterusnya. Langkah-langkah diadakan oleh pihak "istana" di Kuala Trengganu untuk mengenakan kontrolnya keatas daerah Kemaman, setelah berlakunya penentangan Lebai Saras terhadap Yang Dipertuan Trengganu pada tahun 1810an.

Sebelum tercetusnya peristiwa penentangan di atas, tidak terdapat sebarang langkah diambil oleh pihak Kuala Trengganu untuk mengambil tahu hal-hal yang berlaku di Daerah Kemaman. Sebagai contohnya, pembukaan terhadap beberapa penempatan (kampung) oleh orang-orang dari Kuala Pahang sebelum menjelang abad ke 19 adalah tanpa terlebih dahulu meminta keizinan atau kebenaran dari pihak Yang Dipertuan Trengganu atau kurang-kurangnya dari salah seorang daripada pembesar-pembesar kerajaan Trengganu.

Sejak daerah Kemaman mula-mula dibuka sehinggalah berlakunya kontrol secara langsung oleh pihak "istana" ke atas Daerah Kemaman, dikatakan bahawa kepimpinan di daerah ini dipegang oleh keluarga Che Wan dari Pahang iaitu dari keturunan keluarga Che Wan Teh.²¹ Dikatakan bahawa semasa Che Wan Teh masih hidup, beliau dianggap sebagai ketua atau pemimpin di daerah Kemaman oleh penduduk-penduduk tempatan daerah ini. Setelah beliau meninggal dunia dan seterusnya, kepimpinan di daerah Kemaman "dipusakai" oleh keturunannya walaupun tidak dibuat pengesahan resmi oleh penduduk tempatan pada masa itu. Ketika itu keluarga Che Wan Teh sangat dihormati dan dipermuliakan oleh penduduk-penduduk di Daerah Kemaman.²² Malangnya, sehingga kini tidak terdapat rekod-rekod bertulis yang menunjukkan siapakah pemimpin-

²⁰ Jarak antara Kuala Trengganu dengan Daerah Kemaman lebih-kurang 100 batu jauhnya. Dalam konteks jangka-masa sebelum abad ke 19, jarak ini adalah dianggap sangat jauh sebab terdapatnya kesukaran perhubungan antara satu tempat ke satu tempat ketika itu.

²¹ Keterangan lisan yang diberikan oleh Haji Habib Noh dirumahnya pada 22.8.1977.

²² Penerangan lisan oleh orang yang sama seperti di atas. Ditemuramah oleh penulis pada 22.8.1977 di rumahnya Kampung Bt. Mengkuang, Kemaman, Trengganu.

pemimpin masyarakat di Daerah Kemaman selepas kematian Che Wan Teh. Pada pendapat penulis, kemungkinan besar bahawa disepanjang jangka-masa sebelum menjelangnya abad ke 19, pemimpin-pemimpin atau pemerintah-pemerintah Daerah Kemaman berada ditangan keluarga atau anak-cucu Che Wan Teh. Kemungkinan ini berdasarkan bahawa keluarga Che Wan Teh yang mula-mula mengasaskan pembukaan daerah ini. Andaian penulis ini bersesuaian dengan pendapat J.M. Gullick yang mengatakan bahawa ;

(Biasanya) Keluarga pengasas kampung (atau tempat) itu mempunyai kedudukan yang terbaik untuk menuntut jawatan penghulu (pemimpin) pada jenerasi yang akan datang melalui peraturan-peraturan keturunan baka dan dengan mertabat biasa.²³

Menurut sumber bertulis mengenai sejarah pembukaan Daerah Kemaman, dikatakan bahawa diwaktu Negeri Trengganu di bawah pemerintahan Sultan Ahmad Syah I atau *Sultan Parit* (1808-1827) Daerah Kemaman diperintah oleh Lebai Saras, seorang pelarian dan bangsawan dari Patani.²⁴

Lebai Saras dikatakan seorang yang berani, kaya dan alim. Beliau bersama-sama dengan anaknya, En. Abu Bakar, juga seorang yang pintar dalam ilmu hulubalang dan pengikut-pengikutnya telah lari dari Patani setelah gagal dalam satu pemberontakan terhadap kerajaan Patani. Disamping berani, En. Abu Bakar dikatakan seorang yang bersikap angkoh dan bermegah-megah dengan kepintaran kepahlawanannya.²⁵

Apabila rombongan Lebai Saras sampai di Kemaman mereka telah singgah seketika di Kampung Kuala Kemaman. Kemudian mereka belayar mudik melalui Sungai Kemaman ke ulu dan akhirnya berhenti di satu tempat yang bernama Kampung Nyior. Beliau (Lebai Saras) telah menyuruh orang-orangnya membersihkan tempat itu dan kawasan sekitarnya untuk dibuat satu penempatan baru dan terus menetap di situ. Dato' Jaya didalam tulisannya mengatakan bahawa ;

He (Lebai Saras) was the first man to settle at Kampung Nyior, in Kemaman river about six miles from the mouth, where he made a clearing and settlement.²⁶

Kedatangan Lebai Saras dan En. Abu Bakar ke Kemaman telah menempah satu sejarah penting dari segi kemunculan penempatan-penempatan baru di Daerah Kemaman. Juga kedatangan mereka ke daerah ini telah mencetuskan satu peristiwa penentangan secara terbuka buat kali pertama di dalam sejarah Negeri Trengganu terhadap kewibawaan dan kekuasaan Yang Dipertuan Trengganu. Akibat dari penentangan itu telah berlaku satu peperangan kecil antara Lebai Saras dan pengikut-pengikutnya di satu pihak dengan orang-orang Yang Dipertuan Trengganu di pihak yang lain. Peristiwa itu dikenali oleh penduduk tempatan di Daerah Kemaman sebagai *Peristiwa Lebai Saras*.

Kenaikan Lebai Saras Sebagai Pemerintah Daerah Kemaman.

Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, di awal kedatangan Lebai Saras ke Daerah Kemaman, beliau hanya menjadi ketua (pemimpin) di Kampung Nyior sahaja tetapi di-

²³ J.M. Gullick, *op. cit.*, h. 56.

²⁴ *AR Trengganu*, 1925, p. 16, ANM.K.L.

²⁵ Baharuddin Adam, "Kisah Perjuangan Lebai Saras," *Majallah Kiblat*, Utusan Melayu Press, K. Lumpur, 1976, Mei, 1976, h. 10 dan 11.

²⁶ *AR Trengganu*, 1925, p. 16, ANM.K.L.

sebabkan beliau seorang yang alim, berketurunan bangsawan dan terkenal pula dengan ilmu kepahlawanannya, maka beliau (Lebai Saras) telah dihormati dan disegani oleh penduduk tempatan di daerah ini. Disamping menjadi ketua di Kampung Nyior, beliau juga telah cuba dan kemudiannya berjaya mempengaruhi penduduk tempatan, khususnya penduduk-penduduk Kampung Cukai. Akhirnya Lebai Saras telah "diterima" oleh penduduk Daerah Kemaman sebagai guru agama, pemimpin dan pemerintah mereka. Hal ini lebih menggalakkan lagi apabila beliau (Lebai Saras) dan anaknya En. Abu Bakar mendapat tahu dari penduduk-penduduk tempatan bahawa Daerah Kemaman adalah bebas dari pengaruh Yang Dipertuan Trengganu di Kuala Trengganu. Oleh itu timbullah hasrat En. Abu Bakar terutamanya, untuk mengembangkan lagi Daerah Kemaman dengan cara membuka lebih banyak lagi kampung-kampung yang baru, terutamanya di kawasan-kawasan pendalaman. Dengan usaha-usaha itu diharapkan agar pengaruh dan kepimpinan ayahnya (Lebai Saras) semakin berkembang di Daerah Kemaman.

Dari keterangan di atas jelaslah menunjukkan bahawa kepimpinan di Daerah Kemaman telah jatuh ke tangan Lebai Saras yang sebelumnya kepimpinan daerah ini dipegang oleh keluarga Che Wan Teh. Berlakunya fenomena begini adalah menjadi satu kelaziman di dalam masyarakat Melayu tradisional di Tanah Melayu. Gullick mencatatkan bahawa :

Keluarga asas Kampung (tempat) itu mempunyai kedudukan yang terbaik untuk menuntut jawatan penghulu (pemimpin) pada jenerasi-jenerasi yang akan datang dengan melalui peraturan-keturunan baka dan dengan martabat biasa. Tetapi apabila kampung (tempat) itu menjadi semakin tua, keluarga lain tampil ke hadapan dengan sebab-sebab harta kekayaan, mendapat naungan gulungan bangsawan, kebolehan perseorangan atau pun martabat agama orang perseorangan di antara mereka. Dalam keadaan-keadaan seperti ini "keluarga pengasas" itu boleh kehilangan monopolinya ke atas jawatan penghulu (pemimpin) itu.²⁷

Dengan inisiatif Lebai Saras, beliau telah menggalakkan pembukaan lebih banyak lagi penempatan (kampung) baru di kawasan pendalaman. Dengan itu muncullah beberapa buah kampung-kampung baru disamping kampung-kampung yang telah sedia ada sebelumnya di Daerah Kemaman. Antara kampung-kampung yang baru muncul itu seperti *Kampung Mat Chili*, *Kampung Mat Dagang*, *Kampung Pasir Tengku*, *Kampung Tempurung*, *Kampung Jabor*. dan lain-lain lagi. Dikatakan bahawa setengah-setengah daripada kampung di atas diberi nama mengikut nama ketua kumpulan yang bertanggungjawab membuka satu-satu kampung baru itu. Dalam hal ini *Kampung Mat Chili* dan *Kampung Mat Dagang* adalah sebagai contohnya. Selanjutnya Lebai Saras telah melantik tiap-tiap orang ketua kumpulan tadi menjadi ketua kampung di kampung-kampung yang mereka terokai itu. Langkah yang diambil oleh Lebai Saras ini dapatlah disifatkan sebagai satu faktor pendorong untuk ketua-ketua kumpulan atau ketua-ketua keluarga lain membuka penempatan baru yang belum lagi dibuka di kawasan-kawasan pendalaman di daerah ini.

Dengan semakin berkembangnya jumlah kampung-kampung yang baru dibuka, maka semakin ramailah orang-orang dari luar daerah Kemaman berpindah dan menetap di daerah itu. Perpindahan ini juga secara tidak langsung telah menaikkan lagi pengaruh dan kemasyhuran Lebai Saras di kalangan penduduk-penduduk tempatan. Kemasyhuran

²⁷ J.M. Gullick, *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, D.B. & Pustaka, Kuala Lumpur, 1972, h. 56.

dan kekuasaan Lebai Saras terhadap penduduk tempatan dapat dilihat dari kata-kata di bawah;

Beliau (Lebai Saras) selalu sahaja diusung oleh pengikut-pengikutnya di atas usungan khas yang dibuat untuknya sambil melawat kawasan-kawasan padi tiap-tiap musim menuai.²⁸

Aktibiti Lebai Saras dan anaknya En. Abu Bakar akhirnya sampai ke pengetahuan pihak Yang Dipertuan Trengganu di Kuala Trengganu. Justru itu timbullah fitnah di kalangan pembesar-pembesar istana yang mengatakan Lebai Saras dan En. Abu Bakar cuba mengumpul orang-orangnya di Daerah Kemaman untuk menentang Yang Dipertuan Trengganu.²⁹ Oleh itu Sultan Ahmad Syah I telah memerintah Tengku Kernal pergi ke Kemaman untuk menangkap Lebai Saras dan anaknya untuk di bawa ke Kuala Trengganu.

Apabila angkatan Tengku Kernal sampai di Kemaman (tujuan kedatangan angkatan Tengku Kernal itu diketahui oleh Lebai Saras) Lebai Saras pun mengumpulkan orang-orangnya untuk menentang angkatan Tengku Kernal. Oleh itu berlakulah peperangan kecil antara orang-orang Tengku Kernal dengan pengikut-pengikut Lebai Saras yang diketuai oleh En. Abu Bakar. Akhirnya Lebai Saras dan En. Abu Bakar berjaya ditangkap dan kedua-duanya di bawa ke Kuala Trengganu. Kedua-dua dihukum penjara oleh Yang Dipertuan Trengganu.³⁰

Seperti yang telah dikatakan di atas, kemunculan Lebai Saras dan anaknya, En. Abu Bakar di dalam politik di Daerah Kemaman dan sebagai pemerintah di daerah itu telah membawa beberapa peristiwa penting di dalam sejarah Daerah Kemaman di sekitar tahun-tahun 1810an. Antara beberapa peristiwa penting yang berlaku dimasa pemerintahan Lebai Saras di Daerah Kemaman yang dapat penulis rumuskan bahawa Lebai Saras adalah merupakan orang yang pertama memberi nama *Kemaman*³¹ kepada salah satu kampung (tempat) di dalam daerah tersebut, iaitu kampung Kuala Kemaman sekarang ini. Selepas itu perkataan *Kemaman* digunakan untuk merujuk kepada seluruh daerah tersebut yang

²⁸ AR Trengganu, 1925, h. 15 & 16.

²⁹ Dikatakan bahawa fitnah tersebut telah disibar dan disampaikan kepada pembesar-pembesar istana di Kuala Trengganu oleh seorang raja lanun yang pernah ditewaskan oleh En. Abu Bakar ketika beliau (raja lanun) berada di Daerah Kemaman untuk menjalankan aktibiti mencuri/merompak. Untuk keterangan lanjut, sila lihat Baharuddin Adam, "Kisah Perjuangan Lebai Saras," h. 11.

³⁰ Baharuddin Adam, *ibid* h. 11.

Lebai Saras dikatakan telah meninggal dunia di dalam penjara beberapa tahun kemudiannya. Mayatnya telah di bawa pulang ke daerah Kemaman dan dikuburkan di Kampung Nyior, Kemaman. Sehingga sekarang pusaranya masih lagi terdapat di kampung itu dan selalu dikunjungi oleh penduduk-penduduk tempatan.

³¹ Mengikut sumber-sumber lisan dikatakan bahawa Lebai Saraslah yang telah menamakan daerah ini sebagai *Kemaman*. Nama itu diberikan sewaktu beliau menjadi pemerintah di daerah Kemaman. Mengikut penerangan yang diberikan oleh En. Wan Salleh bin Abdullah kepada penulis mengatakan bahawa pada zaman dahulu di kawasan kampung Cukai banyak terdapat sejenis pokok yang dipanggil *pokok Maman* tumbuh disekitar kawasan itu. Pada tiap-tiap petang didapati beberapa kumpulan kera yang datang ke kawasan itu untuk memakan pucuk-pucuk Maman itu. Lalu tempat tersebut dinamakan "Kemaman", iaitu diambil dari dua perkataan *Kera* dan *Maman*. Lalu disingkatkan menjadi *Kemaman*.

Mengikut sumber bertulis pula yang diberikan oleh En. Baharuddin Adam di dalam *Majallah Kiblat, Keluaran Mei 1976*, mengatakan bahawa diwaktu mula-mula Lebai Saras sampai di daerah Kemaman, beliau telah melihat seekor binatang yang ganjil. Rupanya seperti "kera" tetapi badannya lebih kecil dari kera biasa. Lalu Lebai Saras menamakan tempat itu (iaitu Kuala Kemaman sekarang) "Kemaman", iaitu diambil dari dua perkataan "Kera" dan "Man". Dikatakan perkataan "Man" itu bererti "saya/aku". Kemudiannya kedua-dua perkataan itu disingkatkan menjadi perkataan "Kemaman", dan nama itu kekal sehingga ke hari ini. Sekarang ini perkataan "Kemaman" merujuk kepada nama seluruh daerah Kemaman sebagai satu unit pentadbiran. Untuk keterangan lanjut sila lihat Baharuddin, *op. cit.*, h. 10-11.

merangkumi semua kampung dan mukim yang ada di dalam daerah itu. Sebelum itu nama *Kemaman* sebagai satu unit pentadbiran tidak ada. Yang ada hanya nama kampung-kampung yang ada di kawasan Chukai sahaja seperti *Kampung Chukai*, *Kampung Limbong*, *Kampung Tuan* dan sebagainya. Kedua, Lebai Saras telah berjaya mengubah sikap penduduk tempatan dari cenderung tertumpu di kawasan tebing atau muara sungai kepada kawasan-kawasan pendalaman yang agak jauh dari kedua-dua tempat tadi. Ketiga, penentangan Lebai Saras dan pengikut-pengikutnya terhadap Yang Di Pertuan Trengganu adalah merupakan penentangan secara "terbuka" yang pertama pernah berlaku di dalam sejarah Negeri Trengganu, sungguhpun tidak semua penduduk-penduduk tempatan turut terlibat dan akhirnya, dengan tertangkapnya Lebai Saras dan En. Abu Bakar oleh Tengku Kembang baharulah pihak Yang Dipertuan Trengganu di Kuala Trengganu mulai mengenakan pengawasannya secara langsung ke atas pentadbiran di Daerah Kemaman dengan cara menghantar pembesar-pembesar baginda ke Daerah Kemaman untuk memerintah daerah itu sebagai *wakil baginda*. Sebagai contohnya, antara akhir tahun-tahun 1810an sehinggalah menjelang abad ke 20, pihak Yang Dipertuan Trengganu telah menghantar satu siri pembesar-pembesar baginda untuk memerintah Kemaman sebagai *wakil raja* di daerah tersebut.³² Antara lain dikatakan bahawa perlantikan Dato' Kaya Panglima Hassan dan selepas itu Tengku Wok sebagai pemerintah di Daerah Kemaman telah dibuat sendiri oleh Tengku Puteri (Permaisuri Sultan Ahmad Syah I) kerana ketika itu Daerah Kemaman telah dianugerahkan oleh Sultan Ahmad kepada Tengku Puteri sebagai mas kahwinnya.³³ Antara tugas penting yang dibebankan kepada *wakil raja* yang memerintah daerah Kemaman ialah untuk memajukan lagi daerah ini dengan cara membuka lebih banyak lagi penempatan baru, terutama di kawasan-kawasan ulu sungai. Pembesar daerah juga ditugaskan untuk mengutip cukai-cukai tertentu yang dikenakan ke atas penduduk-penduduk tempatan, seperti cukai perlombongan, cukai kepala dan lain-lain cukai. Dikatakan bahawa sebahagian daripada cukai-cukai itu dihantar kepada Yang Dipertuan Trengganu pada tiap-tiap tahun. Tiap-tiap wakilnya itu dikehendaki pergi ke Kuala Trengganu sekurang-kurangnya setahun sekali untuk menghadap Yang Dipertuan secara resmi. Dengan adanya inisiatif pembesar-pembesar tadi Daerah Kemaman semakin sehari semakin maju dan berkembang terutama dari segi perluasan kawasan penduduk-penduduk.

Diwaktu pemerintahan Tengku Wok pada awal tahun 1820an, sekumpulan orang-orang China telah datang ke Daerah Kemaman dari Kuala Trengganu yang diketuai oleh

³² Antara "wakil-wakil raja" yang dihantar untuk memerintah Daerah Kemaman antara tahun-tahun 1810an sehingga menjelang abad ke 20 ialah:

- (i) Dato Kaya Panglima Hassan (setengah sumber mengatakan Dato' Kaya Panglima Hitam)
- (ii) Tengku Wok
- (iii) Dato' Bentara Haji (Encik Mat)
- (iv) Tengku Yusoff
- (v) En. Wan Ngah (sebagai pemangku pemerintah)
- (vi) En. Abdul Rahman bin Musa
- (vii) En. Buruk bin Khatib Ismail
- (viii) Tengku Hitam bin Tengku Derahim
- (ix) Tuan Merat (seorang pembesar Basrah, Kuantan, Pahang)
- (x) Tengku Muda (juga dikenali sebagai Tengku Penglima — bapa saudara kepada Sultan Zainal Abidin III).
- (xi) En. Abdul Rahman b. Ishalk (Dato Lela Di-raja).

Untuk keterangan lanjut, sila lihat AR Trengganu, 1925, p. 15-17, ANM. KL.

³³ *ibid.*, h. 17.

ketua mereka bernama *Choon Teng*.³⁴ Beliau lebih dikenali oleh penduduk-penduduk tempatan sebagai Che Teng. Tujuan utama kedatangan beliau ke Kemaman ialah untuk berniaga sambil berusaha untuk menceburkan diri di dalam aktiviti perlombongan bijih timah yang baru sahaja dimulakan di daerah ini. Dipercayai bahawa kumpulan orang-orang China inilah merupakan kumpulan orang-orang China yang pertama datang dan menetap di daerah Kemaman.³⁵ Setelah itu barulah terdapat beberapa kumpulan orang-orang China yang lain datang dan menetap di daerah ini kemudiannya.

Diwaktu daerah Kemaman di bawah pemerintahan Tengku Yusuff, sebuah "kota kayu" didirikan di tengah-tengah Kampung Chukai.³⁶ Di dalam kota itu didirikan rumah kediaman Tengku Yusuff dan sebuah balai untuk Tengku Yusuff dan pegawai-pegawainya mengadakan perbincangan mengenai hal-hal pemerintahan. Ringkasnya kota itu adalah menjadi pusat pentadbiran bagi daerah Kemaman. Kota itu dilengkapi dengan meriam-meriam kecil dan dikawali oleh *juak-juak* siang dan malam. Selain dari menjadi pusat pentadbiran, tidaklah diketahui dengan jelasnya untuk apa kota itu didirikan. Sekarang ini kawasan yang berhampiran dengan kawasan dimana kota itu didiri dikenali sebagai Kampong Belakang Kota.

Pada pertengahan tahun 1820an, telah berlaku satu perubahan struktur pentadbiran di daerah Kemaman yang mengakibatkan penduduk tempatan di asing-asingkan di bawah dua orang pembesar daerah di satu masa yang sama. Perubahan ini berlaku disebabkan ketika itu daerah Kemaman telah mengalami proses perkembangan penempatan dan diikuti dengan perkembangan jumlah penduduknya. Pertambahan jumlah penduduk juga disebabkan adanya kemasukan orang-orang China ke daerah ini untuk menjalankan aktiviti perlombongan di kawasan-kawasan pendalaman di bahagian ulu Kemaman. Dengan itu untuk melicinkan pentadbiran di daerah Kemaman, Sultan Ahmad Syah I telah melantik dua orang pembesar baginda pergi ke Kemaman untuk menjalankan urusan pentadbiran daerah itu. Mereka ialah En. Abdul Rahman bin Musa dan En. Buruk bin Khatib Ismail. En. Abdul Rahman ditugaskan untuk memerintah di kawasan di sebelah kuala dan kawasan-kawasan sekitarnya, termasuk Kampung Kuala Kemaman, Kampung Cukai dan Kampung Geliga. En. Buruk pula ditugaskan memerintah kawasan-kawasan pendalaman sehingga ke kawasan ulu sungai. Ditinjau dari segi ekonomi, ternyata En. Buruk lebih beruntung daripada En. Abdul Rahman kerana En. Buruk telah mendapat kekuasaan ke atas satu kawasan yang luas dimana terdapatnya kawasan-kawasan yang banyak mengandungi longgokan bijih timah (tin deposits) di dalamnya, seperti kawasan Sungai Ayam, Bandi dan Kajang.

En. Buruk dikatakan telah mengambil inisiatif untuk membuka lebih banyak lagi penempatan-penempatan baru di kawasan pendalaman di bawah penguasaan (jagaan)nya, terutama di kawasan-kawasan yang banyak terdapat longgokan bijih timah. Dengan bantuan seorang ketua China berbangsa *Hokkien* bernama Ah Pak, En. Buruk telah berjaya membuka beberapa kawasan perlombongan di ulu Kemaman, iaitu di kawasan Bandi

³⁴ Apabila beliau (Che Teng) meninggal dunia, beliau telah dikuburkan di atas sebuah bukit yang terletak di Kampung Chukai (sekarang pekan Chukai) dan bukit itu dinamakan Bukit Che Teng. Juga sebatang jalan dibina berhampiran dengan kawasan bukit itu dan jalan itu dinamakan Jalan Che Teng. Sekarang ini kedua-dua bukit dan jalan itu masih lagi terdapat di bandar Chukai, Kemaman. Penerangan oleh En. Koh Chee Kwang, Seorang pemimpin masyarakat China tempatan — temuramah pada 23.8.1977.

³⁵ *AR Trengganu*, 1925, h. 17.

³⁶ *Ibid.*

dan Sungai Ayam.³⁷ Dalam hubungan ini sultan sendiri telah memberikan modal kepada En. Buruk untuk menguruskan pembukaan lombong-lombong itu tanpa mengambil sebarang keuntungan dari hasil pengeluaran lombong-lombong bijeh tersebut.³⁸ Dengan demikian semua keuntungan hasil pengeluaran bijeh itu menjadi hak En. Buruk sendiri dan sebahagiannya diberikan kepada pembantunya, Ah Pak. Sungguhpun sultan tidak mengambil sebarang keuntungan dari tanaman modal baginda itu tetapi sebaliknya baginda telah mendapat keuntungan yang lain pula iaitu dengan cara memungut cukai eksport bijeh timah yang dikeluarkan dari daerah ini. Mengikut peraturan ketika itu, sebahagian besar kutipan cukai eksport bijeh timah mestilah diserahkan kepada sultan di Kuala Trengganu. Ini bermakna semakin banyak pengeluaran bijeh timah dari daerah tersebut, semakin banyaklah sultan akan mendapat bahagian dari kutipan cukai eksport galian tersebut. Oleh itu ini secara tidak langsung sultan juga mendapat keuntungan dari tanaman modal baginda dalam sektor perlombongan tadi.³⁹

Untuk melicinkan pentadbirannya, En. Buruk telah melantik Tengku Hitam b. Tengku Ibrahim⁴⁰ sebagai pembantu kanannya untuk menjalankan pentadbiran di kawasan perlombongan tadi.

Setelah beberapa tahun memerintah, En. Buruk telah dihindangi oleh sakit mata yang akhirnya menyebabkan beliau menjadi buta.⁴¹ Diwaktu beliau buta, urusan pentadbiran dijalankan oleh Tengku Hitam atas nama En. Buruk. Atas cadangan En. Buruk sendiri, Tengku Hitam dilantik menjadi pemerintah baru menggantikan En. Buruk yang sedang uzur itu.

Pembahagian Daerah Kemaman kepada dua unit pentadbiran yang berasingan di bawah En. Abdul Rahman dan En. Buruk yang telah dilakukan oleh Sultan Ahmad dahulu tidaklah berpanjangan usianya kerana apabila sahaja Tengku Hitam menjadi pemerintah baru di kawasan pegangan En. Buruk, berlakulah perselisihan peribadi, antara Tengku Hitam dengan En. Abdul Rahman yang menjadi "pemerintah di Kuala". Akibat dari perselisihan itu menyebabkan En. Abdul Rahman merajuk hati dan secara senyap-senyap beliau meninggalkan daerah Kemaman menuju ke Gebeng di Sulik⁴² Tidaklah diketahui sehingga kini punca-punca yang menyebabkan mereka berselisih-faham itu. Mungkin juga perselisihan antara kedua-dua itu disebabkan rasa cemburu En. Abdul Rahman terhadap Tengku Hitam yang dapat menguasai satu kawasan yang kaya dengan hasil per-

³⁷ *Ibid.*, p. 17.

³⁸ Haji Buyong Adil, *Sejarah Trengganu*, D.B. & Pustaka, K.L. 1974, h. 174.

³⁹ Perbincangan lanjut mengenai perlombongan bijeh timah, sila lihat Bab IV dalam tisis berkenaan.

⁴⁰ Tengku Hitam pada mula-mula datang ke Daerah Kemaman untuk tujuan menjalankan urusan perniagaannya di daerah ini. Di masa berada di Kemaman beliau telah berkawan baik dengan En. Buruk dan akhirnya menyebabkan beliau (Tengku Hitam) sangat-sangat dipercayai oleh En. Buruk dan dilantik menjadi *orang kanan* En. Buruk dalam pentadbiran. Untuk keterangan lanjut, lihat AR *Trengganu*, 1925, p. 17. Juga lihat Buyong Adil, *op. cit.*, h. 174.

⁴¹ Haji Buyong Adil, *op. cit.* h. 174.

⁴² AR *Trengganu*, 1925, h. 17.

"Gebeng" ialah nama sebuah tempat yang letaknya di Mukim Balok (di Negeri Pahang, iaitu kira-kira 20 batu dari Chukai, Kemaman) sekarang ini. Diperkirakan bahawa "Sulik" ialah nama asal bagi "Balok" (Keterangan lisan oleh Wan Salleh b. Abdullah Ditemuramah oleh penulis dirumahnya di Kampung Kubang Kurus, Kemaman, Trengganu pada 22.8.1977).

lombongan. Atau mungkin juga disebabkan masalah pembahagian cukai antara kedua-dua kawasan jagaan masing-masing. Selepas peninggalan En. Abdul Rahman unit pentadbiran daerah Kemaman telah disatukan semula di bawah pemerintahan Tengku Hitam. Dimasa pemerintahan Tengku Hitam dikatakan daerah Kemaman telah mengalami kemajuan yang pesat, terutama dari segi pembukaan penempatan-penempatan baru di kawasan pedalaman. Beberapa penempatan baru muncul, terutama di kawasan sekitar lombong bijih timah. Usaha-usaha beliau itu telah disambung dan dipesatkan lagi oleh pemerintah-pemerintah Daerah Kemaman yang seterusnya, terutama dimasa pemerintahan Tengku Panglima dan Dato Lela.

Sebagai kesimpulannya, dapatlah dikatakan bahawa di peringkat awalnya corak pentadbiran dan kepimpinan daerah Kemaman berbentuk *simple* dimana kesemua pemimpin sosial dan pentadbirannya dimonopoli oleh keluarga Che Wan Teh, yang merupakan "keluarga pengasas" daerah Kemaman. Kenaikan mereka sebagai pemimpin masyarakat adalah dengan cara tidak resmi kerana tidak dibuat oleh pihak Yang Dipertuan Trengganu di Kuala Trengganu. Kenaikan keluarga Che Wah Teh sebagai pemimpin masyarakat lebih berdasarkan kepada *kontrek sosial* antara masyarakat tempatan dengan pemimpin itu sendiri.

Mulai awal abad ke 19, didapati berlakunya satu perubahan dari segi pentadbiran dan kepimpinan di daerah Kemaman. Keadaan ini berterusan sehingga ke akhir abad ke 19 dimana satu lagi corak pentadbiran baru di perkenalkan di daerah ini oleh pihak Inggeris pada tahun 1920an. Di dalam jangka-masa awal abad ke 19 hingga akhir abad ke 19, didapati semua pemerintah Kemaman telah dilantik dengan secara resmi oleh pihak Yang Dipertuan Trengganu. Perlantikan tokoh-tokoh tersebut lebih berdasarkan kepada "taat setia peribadi" yang telah ditunjukkan oleh tokoh-tokoh tersebut terhadap Yang Dipertuan. Perlantikan juga kadang-kala didasarkan kepada faktor "kekerabatan". Di dalam jangka-masa tersebut didapati pemerintah-pemerintah Daerah Kemaman yang dilantik oleh Yang Dipertuan berfungsi sebagai "wakil-raja". Kewibawaan dan kekuasaannya ke atas penduduk tempatan adalah lebih *superior* jika dibandingkan dengan pemimpin-pemimpin masyarakat ketika kepimpinan masyarakat dipegang oleh keluarga Che Wan Teh dan Lebai Saras dahulu.

Dengan naiknya En. Abdul Rahman (Dato' Lela) sebagai pemerintah Kemaman pada tahun 1890an, sekali lagi corak pentadbiran daerah ini telah mengalami perubahan, walaupun perubahan-perubahan yang dilakukan oleh beliau itu tidaklah "sehebat" sebagaimana perubahan-perubahan yang berlaku ditahun-tahun 1920an bilamana satu pentadbiran moden ala-Barat telah diperkenalkan oleh pentadbiran British di Daerah Kemaman.